

CNS3910

UGB 07-1.2 00175 BH010

BAH

WAWASAN 2020 AKAN BERJAYA MEMANDANGKAN SAMBUTAN HANGAT RAKYAT
Mahathir - Wawasan

GENTING HIGHLANDS, 7 Dis (Bernama) -- Matlamat untuk menjadikan negara ini sebuah negara maju menerusi Wawasan 2020 akan tercapai memandangkan sambutan yang begitu mengalakkan daripada setiap lapisan rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, keyakinan itu berdasarkan kepada penglibatan sepenuhnya setiap lapisan masyarakat ke arah menjayakan matlamat wawasan tersebut.

+Saya puashati kerana semua peringkat rakyat di seluruh negara sedar akan Wawasan 2020 dan masing-masing telah membincang dan memikirkan tentang apa yang perlu dibuat oleh mereka.

+Dengan kesedaran ini kemungkinan bagi kita mencapai matlamat Wawasan 2020 adalah lebih baik, katanya pada persidangan akhbar selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan peserta seminar kebangsaan, mengenai wawasan tersebut di sini.

Mengenai penyertaan sektor swasta pula Datuk Seri Dr Mahathir berkata, berdasarkan kepada maklum balas yang di terima, beliau mendapati mereka ingin menyertai semua usaha yang dijalankan dan telah mengemukakan pelbagai masalah serta cara untuk mengatasinya bagi memastikan kejayaan program itu.

- - -
Lagi.

▼07/12/J 7-00MST

UGB07-12 00173 BH03.1

RAH

Mahathir - Wawasan 2 Genting Highlands

Perdana Menteri berkata, semua cadangan yang dikemukakan sektor swasta akan dikaji dengan teliti kerana sebahagian daripadanya telah dilaksanakan seperti usaha kerajaan untuk memastikan rakyat mempunyai keupayaan yang tinggi dalam bidang kemahiran hidup.

Peserta seminar tersebut juga menyentuh mengenai tenaga pekerja dan beliau memberitahu mereka bahawa pihak majikan dan pekerja tidak seharusnya menggunakan corak konfrantasi sesama sendiri kerana kepentingan kedua-dua pihak bergantung besar kepada usaha mereka menjayakan sesebuah perusahaan.

Ketika ditanyasama ada ini bermakna beliau mahu pihak majikan mengadakan lebih banyak pertemuan dengan pihak pekerja supaya mereka tidak merasa tersisih, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, itulah sebabnya mengapa beliau menggalakkan penubuhan kesatuan dalaman dan bukannya kesatuan sekerja.

+Menerusi kesatuan dalaman, pekerja menyedari nasibnya terikat kepada kejayaan syarikat dan tidak akan melakukan sesuatu yang akan merugikan syarikat, + jelas beliau.

Keadaan ini berbeza dengan kesatuan sekerja yang lebih mementingkan kekuatan daripada kemajuan syarikat dan menetapkan gaji pekerja pada paras yang boleh menyebabkan syarikat menanggung kerugian, katanya. -- Lagi ..

▼07/12/17-03MST

UGB 07-12 00183 BH01 2

BAH

Mahathir - Wawasan 3 (Akhir) Genting Highlands

Disamping itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan sedia memberi bimbingan secara umum kepada sektor swasta jika mereka mahu memperkenalkan satu etika pengurusan seperti yang dicadangkan pada seminar tersebut.

Katanya, terpulanglah kepada sektor swasta untuk menyemaikan etika tersebut, yang antaranya memberi tumpuan terhadap mewujudkan satu sistem pengurusan yang bersih dan tidak hanya mementingkan keuntungan dan pencapaian jangka pendek.

Mengenai tindakan Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat menggagurkan label +Tiada Minyak Sawit+ dan +Tiada Kolesterol+ dari pada semua jenis makanan yang dihasilkan di negara itu mulai tahun depan, Perdana Menteri berkata, beliau menyambut baik langkah tersebut.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha bagi menangkis tuduhan yang mengatakan kononnya minyak kelapa sawit berbabaya kepada kesihatan sejak dahulu lagi.

Bagaimanapun, usaha-usaha tersebut gagal kerana ada pihak tertentu yang berniat jahat yang mahu label minyak tropika (termasuk minyak kelapa) di adakan kerana cuba mewujudkan persaingan harga dengan minyak kacang soya.

Menurut laporan akhbar semalam, keputusan untuk menggugurkan label itu dibuat bulan lepas. -- Bernama.

▼07/12/17-07MST